

Pemimpin 16 buah badan turunkan tandatangan

Badan2 Melayu turut berikrar

PARA pemimpin dari 16 buah persatuan Melayu, yang menjadi kerabat dan bukan kerabat Majlis Pusat Pertubuhan Pertubuhan Budaya Melayu Singapura (MP) dan mewakili kira-kira 10,000 orang anggota telah menandatangani Buku Ikrar taat setia kepada Singapura petang semalam.

Kerabat-kerabat Majlis Pusat telah dipimpin oleh presidennya Encik Zulkifli Mohamed yang juga Setiausaha Politik (Pembangunan Masyarakat).

Antara kerabat MP yang menyertai upacara itu serentak ialah Persatuan Bawean Singapura (PBS), Perkumpulan Seni (PS), Persatuan Persuratan Pemuda Pemuda Melayu (4PM), Persatuan Pemuda Islam Singapura (PPIS), Persatuan Kemuning Singapura (PKS), Persatuan Hadrah dan Kom-pang Singapura (Pehaks) dan Pertubuhan Kebudayaan Melayu.

MP mempunyai lebih 40 buah badan kerabat.

Dua buah pertubuhan lain yang tidak menjadi kerabat MP, iaitu Persekutuan Silat Singapura (Persisi) dan Persatuan Wartawan Melayu Singapura (PWM) telah menandatangani Buku Ikrar tersebut sebelum itu.

Beberapa buah pertubuhan lain termasuk Angkatan Sastrawan (Asas 50) juga dijangka akan menandatangani buku itu.

Para pemimpin Asas 50 sepatutnya menurunkan tandatangan mereka tengah hari semalam. Bagaimanapun, mereka difahamkan, telah menangguhkannya ke hari lain.

Semasa ditemui, Encik Zulkifli memberitahu bahawa semuanya kira-kira 260 orang dari kerabat MP datang untuk menandatangani Buku Ikrar itu.

"Bilangan ini, bagaimana-

pun, tidak termasuk orang perseorangan dari badan-badan kerabat MP yang datang dengan tujuan yang sama," katanya.

Jelasnya lagi: "Mereka sudah lama menyatakan persetujuan untuk datang beramai-ramai menandatangani Buku Ikrar."

Menurutnya, menandatangani buku itu perlu digalakkan di kalangan warganegara kerana ia merupakan satu tanda simbolik kepada rakyat Singapura untuk menunjukkan taat setia mereka kepada tanah air.

Persisi, dalam acara menandatangani buku tersebut, diwakili oleh Pengerusinya Haji Rahim Dayan dan Setiausahannya

Encik Johari Uriff.

Encik Johari berkata, sebagai rakyat Singapura kita mestilah menunjukkan taat setia kepada negara.

"Menurunkan tandatangan hanya satu simbolik saja untuk menunjukkan betapa cinta kita kepada negara."

"Tetapi yang lebih penting lagi ialah apa yang tersimpan dalam hati sanubari kita," katanya.

Seorang pegawai Persatuan Wartawan Melayu (PWM) pula berkata, seramai 10 orang anggotanya telah menurunkan tandatangan mereka.

Beliau berkata: "Singapura adalah negara kami. Dengan menurunkan tandatangan kami dalam buku itu, kami dapat

mengabadikan perasaan kami terhadap negara ini.

"Walaupun menurunkan tandatangan itu adalah satu perbuatan yang mudah, tetapi ia mempunyai erti yang amat dalam."

Sebanyak 200,000 tandatangan dijangka akan diturunkan dalam Buku Ikrar itu hingga akhir bulan ini.

Buku itu 'dibuka' sepanjang 24 jam untuk ditandatangani.

23 AUG 1987

23 AUG 1987

HARI KEBANGSAHAN MALAYSIA